



POLISI TIADA HADIAH

PKPP Agro Sdn Bhd (PASB) sentiasa berusaha menerapkan nilai-nilai integriti dan amanah dalam segala aspek urusan perniagaannya.

Kakitangan PASB dikehendaki berurusan atas kepentingan terbaik PASB. Kakitangan PASB juga harus mengelak dari melakukan urusan yang boleh menjejaskan kepentingan PASB. Oleh itu, kakitangan PASB **TIDAK** boleh

- menerima sebarang hadiah berbentuk peribadi daripada mana-mana pihak luar
- memberi sebarang hadiah berbentuk peribadi kepada mana-mana pihak luar
- Kaedah pemberian dan penerimaan hadiah hanya boleh merujuk melalui:

GARIS PANDUAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH PASB.

Polisi ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau timbulnya sebarang persepsi wujudnya konflik kepentingan dalam sebarang urusan PASB dan di masa-masa akan datang.

Kakitangan PASB dikehendaki memahami isi kandungan Pelan Pelaksanaan Risiko Rasuah bagi memastikan segala urusan yang dilaksanakan adalah selaras dengan **Integriti, Governans dan Anti-Rasuah.**